

4.30pm, 28.1.2026

Siaran Media

YAB TUAN CHOW KON YEOW

Ketua Menteri Pulau Pinang

SALURAN PAIP KE-2 MENYEBERANGI SUNGAI PERAI: 98% SIAP, LEBIH AWAL DARIPADA JADUAL

- **Projek berjalan lancar dan lebih awal daripada jadual tanpa menjejaskan kira-kira 26,000 pengguna air di Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT).**
- **Mulai sekarang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) akan mempertimbangkan pelaksanaan kerja-kerja penyambungan paip utama secara “Tanpa Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI)” bagi projek-projek yang berpotensi menjejaskan 20,000 atau lebih pengguna air di Pulau Pinang.**

PULAU PINANG, Rabu, 28.1.2026: Sekiranya keadaan mengizinkan, PBAPP akan melaksanakan protokol “tanpa Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI)” bagi semua kerja-kerja utama saluran paip air bagi mengelakkan kesulitan kepada para pengguna air di Pulau Pinang.

Hari ini, kita dapat melihat kesan positif hasil pengenalan teknologi “*line stopping*” dan “*hot tapping*” di tapak Projek Saluran Paip Kedua Menyeberangi Sungai Perai (SP-RCP ke-2).

- Pada jam 4.00 petang hari ini, kemajuan kerja-kerja penyambungan akhir SP-RCP ke-2 telah mencapai 98 peratus dan mendahului jadual. Bahagian saluran paip baharu akan mula beroperasi sepenuhnya dan semua kerja di tapak, termasuk penanggalan mesin “*line stopping*”, dijadualkan siap hari ini dan bukan esok.
- Yang lebih penting, PBAPP telah berjaya mengelakkan pelaksanaan SWSI yang berpotensi menjejaskan kira-kira 26,000 pengguna air di Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Tengah (SPT).

Ini merupakan satu situasi “menang-menang-menang” untuk Pulau Pinang, PBAPP dan para pengguna air.

Jelas sekali, kaedah baharu penyambungan saluran paip utama ini merupakan pendekatan yang lebih baik untuk melaksanakan kerja-kerja tersebut.

Sehubungan itu, saya telah mengarahkan PBAPP supaya mengguna pakai protokol “Tanpa SWSI” seperti yang dilaksanakan hari ini bagi semua kerja-kerja saluran paip utama pada masa hadapan, tertakluk kepada pertimbangan berikut:

- Apabila gangguan bekalan air berjadual melibatkan 20,000 atau lebih pengguna;
- Apabila tempoh kerja dijangka melebihi 18 jam; dan
- Bagi kerja-kerja pada saluran paip utama berdiameter 600mm atau lebih.

Sila ambil maklum bahawa walaupun kita berhasrat untuk mengelakkan Gangguan Bekalan Air Berjadual (SWSI) pada masa hadapan semampu boleh, faktor kos juga perlu diambil kira. Kos untuk melaksanakan kerja-kerja *“line stopping”* dan *“hot tapping”* adalah kira-kira 10 kali ganda lebih tinggi berbanding kerja-kerja penyambungan saluran paip secara konvensional.

Berhubung dengan projek pada hari ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada PBAPP, pihak kontraktor projek ini serta syarikat pakar yang dilantik bagi melaksanakan kerja-kerja *“line stopping”* dan *“hot tapping”*.

Tahniah atas kejayaan ini. Saya berharap agar semua kerja-kerja penyambungan saluran paip utama di Pulau Pinang pada masa hadapan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar, tanpa tekanan, tanpa masalah dan memberikan hasil yang terbaik kepada semua pihak.

Terima kasih.